

**PERUSAHAAN PERKILANGAN KECIL BATU-BATA
(Tanah Liat): SATU KAJIAN KES TERHADAP
PERUSAHAAN PERKILANGAN KECIL BATU-BATA
(Tanah Liat) DI DAERAH BESUT, TERENGGANU.**

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk
Memenuhi Syarat-Syarat Bagi Ijazah
Sarjana Muda Sastera (Dengan Kepujian)**

**MUHAMAD BUSTAMAN B. ABDUL MANAF
BAHAGIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1985/1986**

Di-Abadikan Khusus Untuk Mereka Yang Tersayang:

HAJI ABDUL MANAF B AWANG MAT

HAJJAH SAWIAH BT HAJI ABAS

RAHIMAH BT HAJI CHE DAUD

RENUNGAN:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman
dan beramal salih, ALLAH Yang Maha Pemurah
akan menanamkan dalam (hati) mereka rasa
kasih sayang.(Maryam: 96)

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Penyayang.

Terlebih dahulu saya mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah kurnianya, saya telah berjaya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan baik dan memuaskan. Selawat dan salam juga kepada Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W., keluarganya, sahabat dan semua orang mukmin dan soleh.

Pertama-tamanya saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia pertama saya, Dr. K.U. Sirinanda, yang sekarang ini berada di Universiti Brunei, yang telah menyelia kajian ini pada mulanya.

Ucapan terima kasih dengan penuh keikhlasan juga saya ucapkan kepada penyelia kedua saya, Dr. Pangiras Micheal yang telah mengambil alih tugas penyeliaan dari penyelia pertama dan telah banyak memberi tunjuk ajar, pandangan dan nasihat dalam menyediakan Latihan Ilmiah ini.

Bagi semua pihak yang terlibat dengan kajian ini, para-para pengurus perusahaan batu-bata di daerah Besut, para pekerja-pekerja perusahaan batu-bata di kawasan kajian, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN), Pejabat Daerah Besut, MIDA, MIDF, Bank Pembangunan, dan pihak bilik sumber geografi U.S.M.

saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Tidak lupa juga, saya ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah membantu saya bagi menyiapkan kajian ini. Di atas budi baik mereka berkenaan, saya doakan agar mereka sentiasa beroleh kejayaan dalam cita-cita mereka. Segala jasa dan budi baik mereka tetap tidak saya lupakan sampai bila-bila.

Wassalam.

Muhamad Bustaman bin Abdul Manaf
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
11800 Universiti Sains Malaysia
Minden, Pulau Pinang (1985/1986)

ABSTRAK

Perkembangan sektor perindustrian di Malaysia telah bermula sejak tahun lewat 1950an lagi. Dengan munculnya polisi Perindustrian industri skil kecil juga mempunyai peranan penting kepada kejayaan dasar perindustrian negara. Industri batu-bata adalah salah satu dari jenis industri pembuatan yang terdapat di Malaysia yang pada ketika ini sedang mengalami kemajuan yang pesat akibat dari kegiatan industri pembinaan.

Untuk kajian ini, sebagai satu kajian kes, penyelidik telah memilih industri berskil kecil batu-bata di daerah Besut, Terengganu. Melalui tinjauan bacaan dan kajian-kajian yang lampau, satu gambaran yang jelas boleh didapati mengenai peranan industri skil kecil ini dan kedudukan perusahaan batu-bata di Malaysia.

Dalam bahagian seterusnya, tumpuan kajian adalah untuk menerangkan apakah itu perusahaan batu-bata. Faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan perusahaan batu-bata di daerah Besut dan masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan tersebut juga diterangkan dalam bahagian ini.

Seterusnya, dibincangkan sumber-sumber bantuan yang telah diperolehi oleh perusahaan batu-bata di daerah Besut. Satu penilaian juga dibuat tentang sejauhmana perkembangan dan pembangunan, khususnya industri pembinaan di daerah Besut dan daerah yang berdekatan, mempengaruhi perkembangan perusahaan perkilangan kecil batu-bata di daerah Besut.